- Allah SWT tidak berhajat kepada ketaatan makhluk.
- Allah SWT mencukupkan keperluan makhluk dengan kurniaan-Nya.

Ar-Razak

Maksud Al-Razak

- **Bahasa**: Amat banyak memberi rezeki.
- **Istilah**: Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pemberi rezeki, Dia yang menjadikan rezeki dan mengurniakannya kepada seluruh makhluk.

Dalil Naqli Nama Allah SWT Ar-Razak

- Firman Allah SWT dalam surah adz-Dzaariyaat, ayat 58:

إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلرَّزَّاقُ ذُو ٱلْقُوَّةِ ٱلْمَتِينُ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah, Dialah sahaja Yang Memberi rezeki, lagi Yang Maha Kuat, Kukuh kekuasaan-Nya.*

Bukti Allah SWT Bersifat Ar-Razak

- Allah SWT berkuasa melapangkan dan menyempitkan rezeki hamba-hamba-Nya.
- Allah SWT berjanji menambahkan rezeki kepada hamba yang bersyukur.

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pelajaran **14**

Beriman kepada Qadak dan Qadar

3.8.1 Pengertian Qadak dan Qadar

Buku Teks ms. 111

1. Nyatakan pengertian qadak dan qadar dari segi bahasa dan istilah. TP 1

SP 3.8.1

Qadak

(a) Bahasa: Menyempurnakan sesuatu

(b) Istilah: Ketentuan Allah SWT yang azali terhadap semua makhluk

Qadar

(a) Bahasa: Menjelaskan qadar sesuatu

(b) Istilah: Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah SWT sejak azali

NOTA eP+

3.8.2 Maksud Beriman kepada Qadak dan Qadar

Buku Teks ms. 111

2. Nyatakan maksud beriman kepada qadak dan qadar. TP 2

SP 3.8.2

Maksud beriman kepada qadak dan qadar ialah:
Meyakini Allah SWT menentukan segala perkara yang akan berlaku kepada semua makhluk dengan ilmu dan kehendak-Nya.

KOMIK

Rahsia di sebalik takdir

3.8.3 Dalil Naqli Kewajipan Beriman kepada Qadak dan Qadar

Buku Teks ms. 112

3. Tuliskan terjemahan dalil naqli tentang kewajipan beriman kepada qadak dan qadar. TP 3

SP 3.8.3

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:
"….(iman) bahawa kamu percaya kepada Allah, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari kiamat, dan kamu percaya kepada qadar Allah terhadap perkara baik dan buruk".

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

ePP+ PRAKTIS PENGUASAAN & PRAKTIS LANJUTAN

3.8.4 Jenis Qadak Berserta Contoh

Buku Teks ms. 113 – 114

4. Huraikan jenis-jenis qadak berserta contoh. TP 4

SP 3.8.4

KBAT Menganalisis

Jenis qadak

Qadak Mubram

(a) Maksud:
Sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah SWT dan tidak berubah dan dilaksanakan mengikut kehendak dan kekurangannya.

(b) Contoh:
Bangsa dan jantina seseorang yang telah ditentukan tidak akan berubah.

Qadak Muallaq

(a) Maksud:
Ketentuan Allah SWT yang berubah kepada ketentuannya yang lain bersesuaian dengan usaha yang dilakukan oleh manusia.

(b) Contoh:
Kejayaan cemerlang bergantung kepada usaha.

3.8.5 Konsep Usaha dan Tawakal

Buku Teks ms. 115

5. Jelaskan konsep usaha dan tawakal. TP 5

SP 3.8.5

KBAT EKSTRA

Bidang Akidah

Konsep usaha dan tawakal

Usaha:

(a) Berusaha menggunakan seluruh kemampuan yang diberikan oleh Allah SWT untuk mencapai sesuatu maksud.

Tawakal:

(b) Berserah kepada Allah SWT dan yakin bahawa Allah yang menentukan keberhasilannya setelah berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh.

6. Lakukan aktiviti di bawah.

Aktiviti

PAK-21 KBAT Menganalisis TP 6

KUIZ GAMIFIKASI

Pelajaran 14

(a) Murid membuat aktiviti dalam kumpulan.
(b) Guru memberikan tajuk "Kesan beriman kepada qadak dan qadar".
(c) Murid berbincang dengan pasangan tentang tajuk yang diberikan.
(d) Salah seorang murid dipilih untuk tampil di hadapan kelas untuk menyatakan pandangan berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan.

Tahap Penguasaan Pelajaran 14 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Masteri 14

P+ PRAKTIS EKSTRA

Bahagian A

1. Nyatakan pengertian qadak dari segi bahasa.
Buku Teks ms. 111
(A) Menyempurnakan sesuatu
B Melaksanakan sesuatu
C Kesempurnaan
D Pelaksanaan
Aras R Mengingat

2. Dari segi istilah, qadak ialah _____ Allah SWT yang azali terhadap semua makhluk.
Buku Teks ms. 111
A kekuasaan
B kehebatan
(C) ketentuan
D ciptaan
Aras R Mengingat

3. Berikan pengertian qadar dari segi bahasa.
Buku Teks ms. 111
(A) Menjelaskan kadar sesuatu
B Menyediakan ketetapan
C Melaksanakan sesuatu
D Menentukan sukatan sesuatu
Aras R Mengingat

4. Dari segi istilah, qadar ialah _____ sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah SWT sejak azali.
Buku Teks ms. 111
A perbuatan
B keperluan
(C) pelaksanaan
D kehendak
Aras R Mengingat

5. Pilih pernyataan yang salah mengenai maksud beriman kepada qadak dan qadar.
Buku Teks ms. 111
(A) Meyakini semua makhluk di alam ini akan hancur dan musnah
B Meyakini bahawa Allah SWT yang menentukan setiap perkara yang berlaku kepada makhluk dengan ilmu dan kehendak-Nya
C Allah SWT melaksanakan sesuatu ketentuan mengikut ketetapan-Nya
D Semua perkara tertakluk kepada kehendak dan kekuasaan Allah SWT sama ada baik atau buruk
Aras S Memahami

6. Antara berikut, yang manakah dua jenis qadak?
Buku Teks ms. 113
I Mubram
II Muallaq
III Muallim
IV Murobbi
(A) I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
Aras T Menilai

Bahagian C

1. (a) Tulis (Qadak mubram) bagi pernyataan yang berkaitan dengan qadak mubram dan tulis (Qadak muallaq) bagi pernyataan yang berkaitan dengan qadak muallaq.
Buku Teks ms. 113-114

(i) Razif dilahirkan berbangsa Melayu. — Qadak mubram

(ii) Syakila mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan kerana melakukan ulang kaji setiap hari. — Qadak muallaq

(iii) Badrul selamat sembuh daripada demam denggi setelah berdoa kepada Allah pada setiap 1/3 malam. — Qadak muallaq

(iv) Murni dilahirkan berjantina perempuan. — Qadak mubram

Aras R Mengingat [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

Buku Teks ms. 111

(i) Qadak adalah perkara yang berkait dengan sifat (kekuatan / kehendak) dan ilmu Allah SWT.

(ii) Setiap orang Islam yang mukalaf (harus / wajib) beriman dengan qadak dan qadar Allah SWT.

(iii) Qadar adalah perkara yang berkait dengan sifat (kehebatan / kekuasaan) dan perbuatan Allah SWT.

(iv) Orang yang tidak beriman dengan qadak dan qadar adalah (munafik / kafir).

Aras R Mengingat [4 *markah*]

(c) Nyatakan maksud qadar dari segi istilah.

Buku Teks ms. 111

Pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketentuan Allah SWT sejak azali.

Aras S Memahami [2 *markah*]

Hikmah beriman kepada qadak dan qadar Allah ialah hati akan menjadi tenang.

(d) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan hujah anda.

Beriman kepada qadak dan qadar akan membuat jiwa seseorang menjadi lebih tenang. Bahkan walaupun ujian yang dihadapi mereka sangat sukar, namun keyakinannya pada takdir Allah SWT akan membuatnya selalu merasa tenang dan damai. Hal ini kerana mereka percaya bahawa segala ujian yang diperolehnya adalah qadak dan qadar Allah yang telah ditentukan namun hanya boleh diubah melalui doa. Oleh itu, kita hendaklah menjadi manusia yang sentiasa tenang apabila menghadapi segala ujian Allah SWT.

Aras T Menganalisis [4 *markah*]

(e) (i) Nyatakan maksud qadak mubram.

Buku Teks ms. 113

Merupakan ketentuan Allah SWT yang tidak berubah dan dilaksanakan mengikut kehendak dan kekuasaan-Nya.

Aras S Memahami [2 *markah*]

Rezeki secupak tidak akan jadi segantang.

(ii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda.

Ucapan itu sengaja dicipta oleh mereka yang malas berusaha sebagai helah membela diri sedangkan Allah tidak akan menzalimi hamba-Nya yang berusaha. Oleh sebab itu, Allah menyuruh hamba-Nya berusaha dan berikhtiar untuk mengubah nasib masing-masing. Kesimpulannya, kita haruslah berusaha bersungguh-sungguh dan bertawakal kepada Allah SWT.

Aras T Menganalisis [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Akhir Sesi Akademik

UASA

SKOR /100

Bahagian A

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Apakah azab yang akan menimpa terhadap orang yang melakukan perbuatan syirik?
- **A** Syurga
- **B** Pahala
- **C** Api neraka
- **D** Jiwa gelisah

2. Berikut merupakan hukum mad yang dibaca dengan dua harakat kecuali
- **A** Mad asli
- **B** Mad badal
- **C** Mad 'iwadh
- **D** Mad wajib muttasil

3. Pilih pernyataan yang salah mengenai keadaan penghuni neraka.
- **A** Berpakaian daripada kain putih dan sutera
- **B** Diseret ke neraka dalam keadaan tertiarap di atas muka
- **C** Muka menjadi hitam akibat pendustaan mereka terhadap Allah SWT
- **D** Orang yang menyeleweng dari jalan yang benar menjadi bahan bakar api neraka jahanam

4. Apakah tujuan Allah SWT menjadikan malaikat sebagai contoh kepada manusia?
- **A** Iman malaikat boleh berkurang
- **B** Iman manusia sentiasa bertambah
- **C** Malaikat merupakan makhluk yang ghaib
- **D** Malaikat sentiasa berzikir kepada Allah SWT tanpa henti

5. Antara berikut, yang manakah berkaitan pengiktirafan Allah SWT terhadap para sahabat?
- I Para sahabat dijanjikan dengan kemenangan
- II Allah SWT meredai para sahabat
- III Allah SWT meningkatkan darjat para sahabat yang membelanjakan harta dan berjuang untuk kepetingan peribadi
- IV Para sahabat sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6. Berikut merupakan panduan menundukkan pandangan kecuali
- **A** menghindari tempat maksiat
- **B** sentiasa berzikir mengingati Allah SWT
- **C** membiasakan diri dengan amalan berpuasa
- **D** memilih untuk mendengar perkara-perkara yang baik

7. Allah SWT memerintahkan hamba-Nya supaya menjaga pandangan daripada melihat perkara haram agar _____.
- **A** tidak terjerumus ke dalam keburukan dan kerosakan
- **B** mampu membalas kebaikan dengan kebaikan
- **C** terpengaruh dengan rakan sebaya yang jahat
- **D** tidak terpengaruh dengan budaya positif

8. Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan mengucapkan perkataan yang baik?
- I Menenangkan hati pendengar
- II Memupuk budaya komunikasi berkesan
- III Mengelakkan berlakunya pertelingkahan
- IV Mententeramkan hati kedua-dua belah pihak

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** II dan IV

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Allah SWT akan memberi cahaya yang sempurna dalam kegelapan akhirat kelak kepada orang yang _____.

A sentiasa bertaubat atas segala dosa
B berjalan dalam kegelapan malam menuju ke masjid
C berjalan dalam kegelapan subuh untuk menunaikan solat
D berjalan dalam kegelapan malam untuk menghadiri kelas agama

10. Pilih pernyataan yang betul mengenai ciri orang yang lemah.

A Ada keinginan untuk melakukan kebaikan, namun lupa untuk melakukannya
B Ada keinginan untuk melakukan kebaikan, namun tidak mampu melakukannya
C Ada keinginan untuk melakukan kebaikan, namun tidak sempat melakukannya
D Ada keinginan untuk melakukan kebaikan, namun malas untuk melakukannya

11. Antara berikut, yang manakah bukti Allah SWT bersifat Al-Ghaniy?

I Allah SWT memerlukan bantuan malaikat untuk mentadbir alam
II Allah SWT menguasai seluruh makhluk di langit dan bumi
III Semua makhluk sentiasa berhajat kepada Allah SWT
IV Allah SWT bergantung pada makhluk untuk memenuhi kehendak-Nya

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

12. Pilih pernyataan yang betul mengenai sifat mustahil bagi rasul.

A Siddiq
B Fatonah
C Amanah
D Kitmanun

13. Kebangkitan semula makhluk yang telah mati berlaku apabila

A malaikat Israfil meniup sangkakala buat kali kedua
B malaikat Israfil meniup sangkakala buat kali pertama
C tiupan sangkakala kali kedua oleh malaikat Israfil selesai
D sebelum malaikat Israfil meniup sangkakala buat kali kedua

> Penimbang amalan yang disediakan oleh Allah SWT untuk menimbang amalan baik dan buruk manusia.

14. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

A sirat
B mizan
C hisab
D mahsyar

> Fatimah berdoa dan berusaha sebelum menghadapi peperiksaan.

15. Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan tindakan Fatimah?

A Berikhtiar sebelum bertawakal kepada Allah SWT
B Bergantung kepada kebolehan diri semata-mata
C Menyerahkan segala urusan tanpa usaha
D Menolak ketentuan Allah SWT

16. Antara berikut, yang manakah contoh amalan fardu kifayah?

I Solat berjemaah
II Menunaikan zakat
III Menutup aurat
IV Usahawan Muslim

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

17. Berikut merupakan tindakan awal terhadap jenazah kecuali

A menutup kedua-dua mata jenazah
B memandikan jenazah dengan segera
C meletakkan jenazah di tempat yang tinggi
D mengikat dagu jenazah supaya mulutnya tidak terbuka

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

18. Antara berikut, yang manakah hikmah Perjanjian Hudaibiyah?

I Ramai orang Arab memeluk Islam secara terang-terangan
II Musyrikin Mekah secara langsung mengiktiraf kerajaan Islam Madinah
III Menghapuskan semua kaum musyrikin di Mekah
IV Kemuliaan Kaabah terpelihara dan dijamin

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** II dan IV

Abdul Rahman bin Auf r.a. menunjukkan keunggulan dalam bidang ekonomi.

19. Apakah kesan daripada keunggulan tersebut terhadap umat Islam?

A Menghalang perkembangan dakwah Islam
B Menjadikan harta sebagai matlamat utama kehidupan
C Menyebabkan umat Islam bergantung kepada orang lain
D Membantu mengukuhkan ekonomi dan kebajikan umat Islam

20. Berikut merupakan kesan bersifat qanaah kecuali

A kemuliaan diri terpelihara
B memupuk sifat sabar dan syukur
C kehidupan menjadi tenang dan tenteram
D sentiasa berusaha memperoleh kemewahan dunia

Bahagian B

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. (a) Firman Allah SWT:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٍ ثُمَّ مِنۡ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلًا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡ ثُمَّ لِتَكُونُواْ شُيُوخٗاۚ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ مِن قَبۡلُۖ وَلِتَبۡلُغُوٓاْ أَجَلٗا مُّسَمّٗى وَلَعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ ٦٧

(Surah Ghaafir: 67)

Ayat di atas menjelaskan tentang fasa kehidupan manusia.
Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

remaja	lemah	mahir	belajar	dewasa

(i) Manusia belajar bercakap, berjalan, bermain dan bergaul dengan persekitaran mereka pada fasa kanak-kanak.

(ii) Fasa dewasa merupakan peringkat manusia mencapai kematangan akal secara menyeluruh.

(iii) Manusia mula dipertanggungjawab terhadap setiap perbuatan mengikut syariat Allah SWT apabila memasuki fasa remaja.

(iv) Kekuatan fizikal manusia semakin lemah pada fasa tua.

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Berdasarkan ayat di atas, bagaimanakah anda boleh mengambil iktibar daripada kehebatan Allah SWT melalui proses penciptaan manusia?

Menginsafi kelemahan diri agar sentiasa bersyukur atas segala nikmat-Nya.

[2 *markah*]

Kematian merupakan fasa terakhir bagi kehidupan seorang manusia.

(c) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda melakukan persediaan untuk menghadapi fasa tersebut?

Saya akan sentiasa melakukan amalan sunat seperti membaca al-Quran menyebabkan hati akan menjadi lebih bersih daripada perkara-perkara yang buruk. Sebagai contoh, saya membaca al-Quran setiap hari selepas solat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan meningkatkan keimanan. Kesimpulannya, kita mestilah menghayati peringatan tentang azab kubur supaya istiqamah dalam melaksanakan amalan soleh.

[4 *markah*]

2. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَس بن مَلِك رَضِى عنه قَال: كَانَ ﷺ النَّبِيُّ يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّى أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْجُبْنِ وَالْهَرَمِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menjelaskan sifat negatif yang perlu dijauhi oleh seorang Muslim.
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 *markah*]

(b) Terangkan **dua** pengajaran yang dapat diambil daripada hadis di atas.

(i) Kita hendaklah rajin berusaha membuat kebaikan untuk berubah daripada kemunduran.

(ii) Kita hendaklah berani dalam segala perkara kebaikan kerana sifat ini sifat para wali Allah SWT.

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Tulis semula perkataan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

(i) Berusaha	(iii) Dicintai
(ii) Kuat	(iv) Lemah

(i) براوسها

(ii) قوات

(iii) دچينتاءي

(iv) لمه

[4 *markah*]

Bahagian C

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

3. (a) Tulis (Hissiyah) pada pernyataan yang berkaitan dengan mukjizat hissiyah dan tulis (Maknawiyah) pada pernyataan yang berkaitan dengan mukjizat maknawiyah.

(i) Mukjizat yang dapat dikesan dengan pancaindera tetapi tidak berkekalan. — Hissiyah

(ii) Mukjizat yang kekal hingga hari kiamat. — Maknawiyah

(iii) Mukjizat yang difahami dengan pemikiran dan pemerhatian berdasarkan ilmu. — Maknawiyah

(iv) Berlaku ketika seseorang rasul yang diberi mukjizat tersebut masih hidup. — Hissiyah

[4 *markah*]

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) (Rasul / Nabi) ialah seorang lelaki pilihan Allah SWT, dikurniakan wahyu kepadanya tetapi tidak diperintah menyampaikannya kepada orang lain.

(ii) Sifat-sifat wajib bagi rasul ialah siddiq, amanah, (tabligh / kitman) dan fatonah.

(iii) Antara sifat mustahil bagi rasul adalah menyembunyikan, berbohong, khianat dan (menyampaikan / bodoh).

(iv) Sifat (harus / wajib) para rasul adalah memiliki sifat manusia biasa yang tidak menjejaskan martabat kenabian dan kerasulan.

[4 *markah*]

(c) Nyatakan maksud ululazmi.

Rasul yang mempunyai kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah.

[2 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Sifat harus bagi para rasul ialah basyariah, iaitu memiliki sifat-sifat manusia biasa yang tidak menjejaskan martabat kenabian dan kerasulan.

(d) Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

Rasul dapat menunjukkan contoh ikutan yang sempurna kerana rasul memahami keperluan dan kehidupan manusia. Rasul turut membuktikan bahawa syariat Allah SWT mampu diamalkan dalam kehidupan seharian. Kesannya, manusia tidak dapat menolak ajaran yang disampaikan dengan alasan di luar kemampuan mereka untuk melaksanakannya. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mencontohi sifat dan akhlak rasul agar kehidupan sentiasa berlandaskan syariat Allah SWT.

[4 *markah*]

(e) Jelaskan **dua** contoh qadak mubram.

Bangsa sesuatu kaum seperti Melayu, Cina dan India.

Jantina seseorang iaitu lelaki dan perempuan.

[2 *markah*]

Tawakal ialah sikap menyerahkan segala urusan kepada Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh.

(f) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda dapat mengamalkan sikap tersebut?

Meyakini bahawa hanya Allah SWT yang menentukan keberhasilan sesuatu usaha. Dengan ini, seseorang akan lebih bersungguh-sungguh dalam berusaha dan tidak mudah berputus asa setelah melakukan ikhtiar. Contohnya, seorang pelajar perlu berusaha mengulang kaji pelajaran dengan tekun sebelum bertawakal kepada Allah SWT untuk memperoleh kejayaan dalam peperiksaan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa bertawakal kepada Allah SWT agar memperoleh kejayaan dan mendapat rahmat-Nya.

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian D

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

4. (a) (i) Senaraikan **dua** amalan sunat pada pagi raya.

1. Memakai pakaian yang terbaik.
2. Datang awal ke masjid.

[2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Hari raya bukan sekadar memakai pakaian baharu dan menikmati pelbagai juadah.

(ii) Pada pendapat anda, bincangkan kepentingan menghayati amalan sunat hari raya dalam membentuk keperibadian seorang Muslim.

Menghayati amalan sunat hari raya dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT melalui amalan bertakbir dan menunaikan solat sunat hari raya. Contohnya, umat Islam hadir ke masjid pada pagi hari raya untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri atau Aidiladha. Selain itu, amalan bermaaf-maafan dan ziarah-menziarahi dapat mengeratkan silaturahim serta memupuk akhlak mulia. Oleh itu, umat Islam perlu mengutamakan penghayatan sunah agar sambutan hari raya lebih bermakna dan mendapat keredaan Allah SWT.

[4 *markah*]

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Wajib	Harus	Haram	Sunat

(i) Aina berpuasa sunat pada hari raya Aidilfitri yang pertama. — Haram

(ii) Huda menggosok gigi sebelum melakukan qiamullail. — Sunat

(iii) Intan mandi sunat hari raya sebelum keluar ke masjid. — Sunat

(iv) Fahim membayar zakat fitrah pada pertengahan bulan Ramadan. — Harus

[4 *markah*]

(c) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Afdal dikapankan dengan empat lapisan kain putih bagi jenazah perempuan.	✗
(ii)	Solat sunat tahiyatul masjid ditunaikan sebanyak dua rakaat.	✓
(iii)	Qiamullail dimulakan dengan solat sunat tahajud dua rakaat.	✓

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(d) Terangkan **dua** hikmah solat sunat tahiyatul masjid.

(i) Memuliakan masjid sebagai tempat beribadat.

(ii) Memupuk sifat rendah diri sebagai tetamu di rumah Allah SWT.

[4 *markah*]

(e) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Pensyariatan zakat dapat meningkatkan (syariat / syiar) Islam.

(ii) Amalan qiamullail disudahi dengan solat sunat (taubat / witir).

(iii) Antara kaifiat menunaikan solat sunat hajat adalah berdoa memohon hajat kepada Allah SWT selepas memberi (hajat / salam).

[3 *markah*]

Bahagian E

[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

5. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Riwayat Hidup Sayidina Abdul Rahman r.a.

(i) Nama:	(ii) Kuniyah:	(iii) Keturunan:
Abdul Rahman bin Auf	Abu Muhammad	Bani Zuhrah

[3 *markah*]

(b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai kronologi Perjanjian Hudaibiyah.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Musyrikin Mekah tidak membenarkan rombongan Rasulullah SAW memasuki Mekah.	✓
(ii)	Rasulullah SAW mengutus Uthman bin Talhah menemui musyrikin Mekah untuk menerangkan tujuan kedatangan mereka.	✗
(iii)	Musyrikin Mekah mengutuskan al-Kulais bin Alqamah dan Urwah bin Mas'ud menemui Rasulullah SAW bagi memastikan niat sebenar rombongan.	✓

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Langkah pertama yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas pembukaan kota Mekah adalah menegakkan syiar Islam.
Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda dapat mempratikkan pernyataan di atas dalam pentadbiran negara?

Sebagai seorang pemimpin, saya akan mentadbir negara secara adil berlandaskan syariat Islam mengikut panduan al-Quran dan sunah. Selain itu, saya akan menggalakkan amalan nilai Islam seperti amanah, jujur dan saling menghormati dalam pentadbiran. Saya juga akan menyokong program pendidikan dan dakwah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang Islam. Kesannya, syiar Islam dapat ditegakkan dan negara menjadi aman, harmoni serta mendapat keberkatan Allah SWT.

[4 *markah*]

(d) Nyatakan maksud berkomunikasi dari segi istilah.

Perhubungan antara dua individu atau lebih secara langsung atau melalui perantaraan seperti emel, surat, radio dan telefon.

[2 *markah*]

(e) Jelaskan **dua** akibat mengabaikan adab komunikasi dalam kehidupan.

(i) Hubungan silaturahim menjadi renggang kerana wujud salah faham, pergaduhan dan hilang rasa hormat antara satu sama lain.

(ii) Masyarakat menjadi tidak aman dan harmoni kerana berlakunya fitnah, permusuhan serta perpecahan akibat komunikasi yang tidak beradab.

[4 *markah*]

Perkembangan teknologi menyebabkan ramai pengguna media sosial bebas memberikan komen tanpa berfikir tentang kesannya.

(f) Huraikan kesan mengabaikan adab berkomunikasi terhadap individu dan masyarakat.

Mengabaikan adab berkomunikasi menyebabkan individu kehilangan kepercayaan dan tidak dihormati oleh orang lain kerana menggunakan kata-kata kasar atau menyebarkan fitnah. Selain itu, masyarakat menjadi tidak aman dan berpecah belah akibat berlaku perselisihan faham serta permusuhan. Contohnya, penyebaran berita palsu dalam media sosial boleh mencetuskan salah faham antara kaum atau kumpulan masyarakat. Oleh itu, setiap manusia hendaklah menjaga tutur kata dan berkomunikasi dengan berhemah bagi mengekalkan keharmonian.

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jawapan

Pelajaran 1

1. Murid baca dengan betul, lancar dan bertajwid

2. Murid baca dengan betul, lancar dan bertajwid

3. (i) 3
(ii) 2
(iii) 1

4. (a) ظَلَمْنَآ
(b) تَغْفِرْ
(c) ٱلْخَٰسِرِينَ

5. (a) Melakukan dosa dianggap kezaliman terhadap diri sendiri.
(b) Umat Islam wajib memohon keampunan daripada Allah SWT atas dosa yang dilakukan.
(c) Allah SWT sentiasa menerima taubat hamba-Nya yang menyesal atas dosa yang dilakukan.
(d) Orang yang mendapat keampunan Allah SWT ialah orang yang beruntung.

6. (a) menzalimi
(b) merahmati
(c) rugi

7. Aktiviti murid

Praktis Masteri 1

Bahagian A

1. D
2. D

1. (a) (i) 6
(ii) 4
(iii) 1
(b) (i) 1
(ii) 3
(iii) 2
(c) میرو، برسکرا، ککلیسهن، هیلڠ

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.